

20 JUN 1999

Umno-bahas (ekonomi/pendidikan)

UMNO LAHIRKAN RAMAI EKSEKUTIF MELAYU

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Tenaga profesional dan eksekutif Melayu hari ini diingatkan supaya sedar bahawa kejayaan dan kecemerlangan yang mereka nikmati sekarang adalah hasil perjuangan Umno.

Wakil Negeri Sembilan Haji Zainuddin Ismail berkata terdapat segelintir daripada golongan itu yang telah menikmati kekayaan dan ada yang menjadi jutawan, kini mempersoalkan kewibawaan Umno.

"Oleh itu Umno harus mengkaji keadaan ini dan mengubah cara kita mendekati golongan ini," katanya semasa membahaskan isu ekonomi dan pendidikan pada Perhimpunan Agung Umno ke 53 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Zainuddin berkata rakyat sepatutnya dapat melihat fungsi Umno secara langsung dalam memartabatkan dan membela nasib Bumiputera termasuk melahirkan golongan profesional Melayu dan tidak melihatnya sebagai usaha kerajaan semata-mata.

"Oleh kerana itu, kita harus melihat ke dalam diri kita sendiri supaya imej dan integriti serta kewibawaan Umno, (tidak) terlalu dilindungi dan dibayangi oleh imej kerajaan itu sendiri," katanya.

Wakil Pahang Datuk Haji Zainal Hassan berkata Dasar Ekonomi Baru (DEB) terbukti berkesan walaupun pada akhir tempoh 20 tahun dasar itu matlamat supaya Bumiputera memegang 30 peratus hasil kekayaan negara belum tercapai.

Katanya hasil "unggul" Dasar Pendidikan Negara dan DEB ialah melahirkan tenaga profesional yang sekarang ini memimpin syarikat-syarikat gergasi bertaraf antarabangsa seperti Petronas, Telekom, Tenaga Nasional, MAS dan lain-lain.

Umno, katanya, tidak mempertikaikan kepimpinan dan kesetiaan pemimpin syarikat-syarikat ini kepada kerajaan tetapi "janganlah apabila terlalu sibuk dengan tugas-tugas di luar negara, mereka terlepas pandang tindak-tanduk anak buah mereka di peringkat pertengahan dan bawahan."

"Terdapatnya tiang-tiang TNB dan Telekom dipenuhi oleh bendera-bendera bulan mengambang (PAS)," kata Zainal.

Itu, katanya, bukanlah perbuatan tenaga profesional tetapi sebahagian daripada anak buah mereka yang lupa dari mana mereka itu datang dan lupa bagaimana syarikat tempat mereka bekerja diswastakan oleh kerajaan.

Wakil Kelantan Datuk Haji Wan Zaid Wan Abdullah ketika menyokong usul itu mengajak anggota Umno menggempur Kelantan dan melenyapkan PAS daripada terus membelenggu rakyat Kelantan.

"Mengalahkan PAS bukan lagi kehendak tetapi suatu kemestian," katanya.

Beliau berkata PAS mesti bertanggungjawab terhadap kemiskinan rakyat Kelantan serta bertanggungjawab terhadap kemunduran dan perpecahan Melayu negeri itu.

Mengenai ekonomi, Wan Zaid mencadangkan supaya lebih banyak industri berasaskan sumber diwujudkan di kawasan pinggir dan luar bandar.

Sebagai contoh, katanya, lebih banyak kilang berasaskan komoditi utama dengan nilai tambah perlu dibina di kawasan luar bandar.

Umno Kelantan juga mencadangkan supaya kerajaan mengkaji kemungkinan menginstitusikan peranan orang tengah dalam masyarakat nelayan selain mewujudkan lebih banyak industri perikanan.

Kerajaan juga diminta menyediakan dana khas bagi membantu peniaga wanita di Kelantan.

"Di Pasar Besar Kota Bahru, misalnya, lebih 80 peratus peniagaannya terdiri daripada golongan wanita yang turut membantu meningkatkan

pembangunan di negeri itu," katanya.

Umno Kedah pula menyalahkan bekas menteri kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana tindakan-tindakan beliaulah antara yang menyebabkan kegawatan ekonomi di negara ini berlarutan.

Wakilnya Ismail Tayib berkata kerana Anwar mengikut acuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) seperti mengurangkan perbelanjaan pembangunan kehidupan rakyat di luar bandar terjejas.

"Pembangunan, terutama pembangunan infrastruktur, masih diperlukan di luar bandar yang jauh ketinggalan," katanya.

Beliau berkata pelbagai tindakan Anwar telah menyebabkan keadaan ekonomi bertambah parah dan kadangkala menjejaskan sokongan masyarakat luar bandar kepada Umno.

Bekas timbalan perdana menteri itu juga membiarkan wang negara terus mengalir ke luar terutama ke Singapura, kata Ismail yang turut mempertikaikan bagaimana Anwar boleh mendakwa tidak tahu mengenai pengaliran keluar modal beribu juta ringgit ke Singapura.

"Apakah dia sebagai menteri kewangan tak boleh dimaklumkan oleh Bank Negara Malaysia mengenai perkara itu?" katanya.

Ismail berkata langkah Anwar mengurangkan tempoh hutang tidak berbayar dari enam kepada tiga bulan telah menyebabkan ramai usahawan Bumiputera yang dibangunkan menerusi Dasar Ekonomi Baru "tertiarap dan bankrap."

"Keadaan itu menyebabkan ekonomi semakin parah dan disebabkan itu, kerajaan yang dipimpin Dr Mahathir terpaksa mengambil langkah drastik memulihkan ekonomi dengan pelbagai cara," katanya.

Katanya langkah-langkah kerajaan itulah yang telah menyebabkan pemulihan ekonomi sehingga indeks di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) mencatatkan angka yang amat memberangsangkan.

"Siapa petualang dalam negara yang menyebabkan kegawatan ekonomi berterusan, inilah masalah besar kepada kita?" katanya.

Wakil Selangor Jamaluddin Adnan pula mencadangkan kerajaan memperkenalkan sistem dana penimbul bagi membantu usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) memandangkan sektor perbankan negara masih berhati-hati dalam pemberian pinjaman akibat sektor berkenaan belum pulih sepenuhnya daripada kegawatan.

Menerusi kaedah dana penimbul itu, setiap permohonan pinjaman IKS hendaklah dikembarkan dengan dana tambahan dalam jumlah yang sama.

"Sebagai contoh, jika peniaga IKS memohon pinjaman RM100,000 dari bank, kerajaan hendaklah mengeluarkan dana dalam jumlah yang sama kepada bank berkenaan," katanya.

Pihak bank pula akan dapat menggunakan dana itu untuk dilaburkan bagi mendapatkan keuntungan yang dengan cara itu peniaga IKS tidak perlu memikirkan sama ada mereka mampu melunaskan hutang itu ataupun tidak, kerana ia ditampung daripada hasil pelaburan dana tersebut.

Bagaimanapun, kata Jamaluddin, usahawan berkenaan perlulah memastikan perniagaan mereka maju dan membayar balik pinjaman itu dalam tempoh yang ditetapkan.

Beliau berharap kaedah itu akan dapat menangani masalah pusingan dana pembiayaan bagi peniaga IKS dan membolehkan industri pelaburan mengambil peluang dengan kenaikan harga saham sekarang.

--BERNAMA

AKT MAI